



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA
PEMBUKAAN SEMULA MAHKAMAH KHAS KES
PENDATANG TANPA IZIN (PATI) SEMENYIH DAN
MAHKAMAH SESYEN LANGKAWI**

Putrajaya - Mahkamah Khas Kes Pendatang Tanpa Izin (PATI) Semenyih dan Mahkamah Sesyen Langkawi akan beroperasi mulai 6 Januari 2020.

Mahkamah Khas Kes Pendatang Tanpa Izin (PATI) Semenyih

Penubuhan Mahkamah Khas PATI Semenyih bagi mengendalikan kes pendatang asing tanpa izin ini adalah selaras dengan Akta Imigresen 1959 yang bertujuan untuk mempercepatkan pelupusan kes- kes melibatkan tangkapan warga asing oleh pihak Imigresen.

Mahkamah khas ini ditempatkan di depoh-depoh tahanan PATI di seluruh negara. Infrastruktur dan prasarana bagi persidangan Mahkamah khas ini disediakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, manakala Pegawai Kehakiman dan kakitangan sokongan yang terdiri dari jurubahasa serta kerani kewangan merupakan kakitangan Mahkamah.

MAHKAMAH SESYEN LANGKAWI

Mahkamah Sesyen Langkawi akan dibuka mulai 6 Januari 2020 dan akan membicarakan kes-kes sivil dan jenayah yang didaftar dan tertakluk kepada bidang kuasa tempatan daerah Langkawi. Penubuhan Mahkamah Sesyen Langkawi ini adalah bertujuan untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan pihak-pihak yang terlibat di mana saksi-saksi serta orang awam kini tidak lagi perlu berulang alik ke Mahkamah Sesyen Alor Setar yang memakan masa 2 jam perjalanan melalui pengangkutan laut dan darat.

Penubuhan kedua-dua Mahkamah Sesyen Langkawi dan Mahkamah Khas (PATI) Semenyih ini adalah bertujuan untuk mendokong prinsip kemudahan akses kepada keadilan (*easy access to justice*) terutama bagi komuniti atau penduduk yang jauh daripada mahkamah-mahkamah sedia ada sekali gus mengurangkan keberkesanan kos (*cost effectiveness*).

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa memberi penekanan terhadap akses kepada keadilan kerana ia merupakan satu hak dan harapan rakyat terhadap sistem pentadbiran keadilan di Malaysia. Ia juga untuk mengiktiraf bahawa masyarakat luar bandar turut berhak untuk mendapat perkhidmatan keadilan yang cekap dan merangkumi semua golongan masyarakat.

Badan Kehakiman Malaysia berharap agar penubuhan mahkamah-mahkamah baru ini dapat dijadikan sebagai forum untuk rakyat dari pelbagai latar belakang menuntut keadilan sekaligus mendukung prinsip kedaulatan undang-undang di Malaysia.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA**

Tarikh: 03.01.2020